


AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL



NEGERI YANG MELARANG PENJUALAN VAPE

- JOHOR** Larang jual vape sejak 1 Januari 2016
- KELANTAN** Henti jual vape sejak 2015
- TERENGGANU** Larang jual vape mulai 1 Ogos 2025
- PERLIS** Haramkan jual vape mulai 1 Ogos 2025
- KEDAH** Tidak akan sambung pembaharuan lesen jual vape setelah lesen sedia ada tamat tempoh
- SELANGOR & PULAU PINANG** Pertimbang haramkan penjualan vape

GESA LARANG JUAL VAPE DI SELURUH NEGARA

- Selepas empat negeri, Kelantan, Johor, Terengganu dan Perlis mengharamkan penjualan vape, kerajaan Persekutuan digesa mengambil langkah serupa dengan melaksanakan larangan jualan di seluruh negara bagi menangani peningkatan risiko kesihatan dan penyalahgunaan bahan terlarang itu dalam kalangan belia.
- Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, berdasarkan data polis, rampasan cecair vape yang dicampur dadah meningkat 32 peratus manakala Kementerian Kesihatan Malaysia mendedahkan sebanyak 65.6 peratus daripada cecair vape yang dirampas dalam tempoh dua tahun lepas mengandungi dadah berbahaya.

2

2 | **NASIONAL** 18 MEI 2025 | SINAR AHAD

Tangani peningkatan risiko kesihatan, salah guna bahan terlarang dalam kalangan belia

Gesa larangan vape di seluruh negara

KUALA LUMPUR

Larangan terhadap penggunaan produk vape perlu segera dikenakan di seluruh negara bagi menangani peningkatan risiko kesihatan dan penyalahgunaan bahan terlarang dalam kalangan belia.

Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, berdasarkan data polis, rampasan cecair vape yang dicampur dadah meningkat 32 peratus manakala Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pula mendedahkan bahawa 65.6 peratus daripada cecair vape yang dirampas dalam tempoh dua tahun lepas mengandungi dadah berbahaya.

"Peraturan sedia ada jelas tidak berkesan dan sering tidak diendahkan. Satu-satunya jalan paling berkesan ialah pengharaman sepenuhnya di peringkat Persekutuan, walaupun ia terpaksa dilaksanakan secara berperingkat," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Lam Thye berkata, beberapa negeri telah mengharamkan penjualan vape tetapi peraturan yang berbeza di setiap negeri menyukarkan untuk menangani masalah itu.

Beliau mencadangkan supaya umur minimum pembelian dinaikkan dan penguatkuasaan diperketatkan sebagai langkah serta-merta, di samping pelaksanaan pengesahan umur yang ketat, hukuman berat terhadap penjualan kepada individu bawah umur serta kempen pendidikan awam yang lebih giat di sekolah dan komuniti.

Beliau turut memberi amaran bahawa menghisap vape mengundang risiko kesihatan yang serius kepada golongan muda kerana tubuh dan otak mereka masih dalam proses untuk berkembang.

"Banyak produk vape tidak diuji dengan betul, jadi pengguna mungkin menyedut bahan kimia berbahaya seperti logam berat dan karsinogen," katanya.

Beliau berkata, pihak sekolah juga digalakkan menganjurkan ceramah, kempen kesedaran dan menawarkan aktiviti alternatif yang lebih sihat seperti sukan, pengakap dan debat, serta menegaskan bahawa rakan sebaya yang positif turut memainkan peranan penting dalam usaha pencegahan. - Bernama

NEGERI YANG MELARANG PENGGUNAAN VAPE

- JOHOR** - Larangan penjualan vape sejak 1 Januari 2016
- KELANTAN** - Larangan penjualan vape sejak 2015
- TERENGGANU** - Larangan penjualan vape mulai 1 Ogos 2025
- PERLIS** - Larangan penjualan vape mulai 1 Ogos 2025
- KEDAH** - Tidak lagi menyambung pembaharuan lesen penjualan vape setelah lesen tamat tempoh
- SELANGOR & PULAU PINANG** - Pertimbang haramkan penjualan vape

KERAJAAN PERSEKUTUAN - Tidak lagi mengharamkan penjualan namun mengawal selia kandungan vape termausk melalui kaedah mengenakan cukai

LAPORAN MUKA DEPAN

Larangan penggunaan vape bagi menangani peningkatan risiko kesihatan dan penyalahgunaan bahan terlarang dalam kalangan belia.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

'Vape cetus radang paru-paru lebih cepat berbanding rokok'

SHAH ALAM - Penggunaan vape boleh menyebabkan keradangan paru-paru berlaku lebih cepat dan teruk berbanding rokok yang dikaitkan dengan risiko jangka panjang.

Pakar kesihatan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Kuantan, Mohamad Haniki Nik Mohamed berkata, kedua-duanya berbahaya tetapi kerosakan vape lebih terserlah dalam bentuk komplikasi radang spesifik bergantung kepada bahan kimia yang disedut.

"Kajian terkini menunjukkan bahawa vape dan rokok biasa mempunyai mekanisme yang berbeza. Vape tidak menghasilkan tar atau karbon monoksida seperti rokok, tetapi aerosolnya mengandungi zarah halus dan logam berat

(nikel, plumbum) yang boleh menembusi pundi udara paru-paru, mencetuskan keradangan akut.

"Beberapa laporan mendapati kes keradangan paru-paru akibat vape seperti E-Cigarette or Vaping Product Use-Associated Lung Injury (EVALI) berlaku lebih cepat dan teruk dalam kalangan pengguna muda.

"Rokok pula lebih dikaitkan dengan risiko kanser jangka panjang. Pendek kata, kedua-duanya berbahaya tetapi, kerosakan vape mungkin lebih terserlah dalam bentuk komplikasi radang spesifik, bergantung pada bahan kimia yang disedut," katanya kepada *Sinar Harian* pada Sabtu.

Dalam pada itu, Mohamad Haniki men-



MOHAMAD HANIKI

jelaskan, antara bahan utama dalam cecair vape adalah *propilena glikol (PG)* dan *gliserin sayuran (VG)* yang digunakan untuk menghasilkan wap.

"Namun, apabila dipanaskan pada suhu tinggi, bahan ini boleh menghasilkan toksin penyebab kanser seperti bahan kimia berbahaya (formaldehid) dan sebatian beracun (akrolein) yang merengsakan tisu paru

-paru.

"Selain itu, perisa sintetik atau bahan kimia berperisa (diasetil) yang digunakan dalam cecair vape boleh menyebabkan keradangan dan parut pada pundi udara paru-paru, iaitu radang pada saluran udara

terkecil di paru-paru (*bronkiolitis obliterans*).

"Bahan kimia ini juga menghasilkan radikal bebas yang merosakkan sel paru-paru, meningkatkan risiko jangkitan dan kerosakan jangka panjang," ujarnya.

Mengulas berkenaan EVALI pula, beliau menambah, ia sering dikaitkan dengan produk vape yang mengandungi bahan yang biasa digunakan dalam produk kecantikan (vitamin E asetat) atau bahan lain seperti dadah jenis Tetrahidrokannabinol (THC) dan ganja.

Kata beliau, kes yang melibatkan EVALI di Malaysia masih kurang dilaporkan, tetapi bukan bermaksud tidak wujud.

"Walaupun jumlah kes belum setinggi di negara Barat, peningkatan penjualan vape di Malaysia menjadikan EVALI perlu dipantau lebih rapi," jelasnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

SINAR AHAD | 18 MEI 2025

Sinar Harian m/s 3 Nasional (18/5/2025 (Ahad))

NASIONAL | 3

Derita mangsa
perokok pasif, asap
vape buat rasa
macam nazak

Oleh AZLEENDA SAHALUDIN
SHAH ALAM

"Ketika itu memang rasa macam dah nazak, dada rasa pedih ibarat ditusuk setiap kali tarik nafas. Apabila ke hospital, doktor sahkan paru-paru penuh asap dan air."

Demikian luahan se-



Tangkap layar video Noor Fatimah ketika paru-parunya ditebuk kerana asap rokok dan vape.

orang peniaga, Noor Fatimah Mohd Rosli, 25, yang berkongsi pengalaman perit menjadi mangsa perokok pasif selepas kerap terdedah kepada asap rokok dan rokok elektronik atau vape daripada orang sekelilingnya.

Noor Fatimah berkata, dia menghidap asma sejak kecil dan mempunyai sejarah lelah, namun keadaan menjadi semakin teruk sejak mula terhidu asap daripada mereka yang menghisap rokok serta vape.

Ber cerita pengalaman tersebut, pada 2017 keadaan dirinya semakin parah apabila perlu ditebuk pada bahagian kiri badan, selain turut ditahan di hospital selama 18 hari.

"Mula-mula ingat sesak nafas biasa sebab asma tapi makin nak tarik nafas makin sakit. Dada jadi macam makin sempit dan tak boleh nak bernafas."

"Disebabkan itu terus ke bahagian kecemasan dan doktor sahkan paru-paru sebelah

kiri memang penuh asap.

"Memang ketika itu sangat seksa dengan sakit kena tebuk dan tak boleh bangun sebab wayer berselirat di badan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Sabtu.

Tidak cukup dengan itu, menurut Noor Fatimah, dia sekali lagi ditahan di wad pada 2019 akibat perkara sama dan ditebuk di bahagian kanan badan.

Jelasnya, doktor mengesahkan paru-paru sebelah kanan penuh dengan air hingga memerlukan dirinya ditebuk buat kali kedua.

"Doktor bius sebelum tebuk bahagian paru-paru tetapi tetap rasa sakit yang teramat sangat. Ketika itu hanya ALLAH sahaja yang tahu."

"Rasa nak marah juga sebab tak sangka saya jadi mangsa walaupun saya bukan perokok atau hisap vape," katanya lagi.

Susulan itu, Noor Fatimah turut menyeru orang ramai terutama pengguna vape atau perokok tegar agar turut bertanggungjawab terhadap kesihatan orang lain, lebih-lebih lagi melibatkan



Noor Fatimah ketika dikejarkan ke hospital kerana sesak nafas yang teruk akibat menjadi mangsa perokok pasif.

ahli keluarga.

Katanya, golongan berkenaan seharusnya lebih peka untuk tidak merokok di kawasan

awam seperti kedai makan kerana boleh mengundang bahaya kepada orang ramai termasuk kanak-kanak.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

Sinar Harian Mei 3 Nasional 1816 (2025) (Ahad)

Covid-19 kekal di bawah ambang amaran

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan terus memantau situasi Covid-19 dengan teliti sama ada di peringkat antarabangsa mahupun dalam negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, KKM menyedari trend peningkatan kes Covid-19 yang dilaporkan di negara jiran seperti Thailand dan Singapura.

"Ketika ini Malaysia mencatatkan purata sekitar 600 kes seminggu yang masih berada di bawah ambang amaran nasional dan tiada kematian dilaporkan tahun ini," katanya dalam hantaran di X pada Sabtu.

Menurutnya, Thailand mencatatkan 16,607 kes baharu Covid-19 dan enam kematian antara 4 hingga 10 Mei (*Bangkok Post*, 2025), manakala Singapura merekodkan anggaran 14,200 kes baharu dari 27 April hingga 3 Mei iaitu meningkat daripada 11,100 kes pada minggu sebelumnya dengan 133 kes dimasukkan ke hospital (*The Straits Times*, 2025).

Dr Dzulkefly berkata, amaran berkaitan situasi itu telah dikongsi



dengan Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) Kebangsaan untuk penilaian risiko berterusan serta tindakan kesiapsiagaan sewajarnya.

Sementara itu, Bahagian Kawalan Penyakit KKM dalam kenyataan berkata, Malaysia merekodkan sebanyak 11,727 kes Covid-19 di seluruh negara dari Minggu Epidemiologi (ME) 1 hingga ME19/2025 (hingga 10 Mei lepas).

Kes tertinggi dicatatkan pada minggu awal tahun iaitu ME1/2025 dengan 960 kes dan 1,229 kes, masing-masing pada ME2/2025 dan ME3/2025.

"Kes harian menunjukkan trend penurunan berterusan hingga mencapai 210 kes pada ME15/2025. Bagi tempoh ME16 hingga ME19/2025, purata sekitar 600 kes seminggu telah direkodkan dan jumlah ini masih berada di bawah paras ambang amaran,"

menurut kenyataan itu.

KKM menasihatkan orang ramai terus mengamalkan langkah pencegahan kawalan sendiri khususnya kumpulan berisiko tinggi yang digalakkan mendapatkan vaksinasi Covid-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan, komplikasi serius dan kematian.

Maklumat mengenai penyakit itu boleh didapati di laman sesawang rasmi KKM di www.moh.gov.my. - Bernama

Orang ramai dinasihatkan terus mengamalkan langkah pencegahan kawalan sendiri khususnya kumpulan berisiko tinggi. - Gambar hiasan



AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

Harian Metro M/s 5 Lokal 18/5/2025 (Ahad)

Waspada produk kesihatan beracun



Shah Alam: Waspada berikutan masih terdapat pelbagai produk kesihatan haram dan beracun dijual berleluasa di pasaran termasuk melalui kaedah dalam talian.

Terbaru Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) melalui Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF JKNS) merampas sebanyak 133 produk kesihatan tidak berdaftar bernilai lebih RM7 juta menerusi pemeriksaan pada 15 April dan 22 April lalu.

Pengarah JKNS, Dr Ummi Kalthom Shamsudin berkata, produk kesihatan dirampas termasuk pelbagai produk jenama luar negara.

Menurutnya, ia hasil pemeriksaan di sebuah premis kendalian syarikat pembekal dan dua lagi syarikat penyediaan hab logistik.

Katanya, tindakan penguatkuasaan itu dibuat berdasarkan aduan awam berhubung penjualan secara dalam talian produk kesihatan tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Pada 15 dan 22 April 2025, pemeriksaan dijalankan terhadap tiga premis yang dijadikan lokasi simpanan dan pengedaran produk kesihatan tidak berdaftar kepada pengguna di Malaysia.

"Syarikat itu menggunakan platform e-dagang sebagai medium penjualan produk kepada pengguna. Hasil kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM), CPF JKNS berjaya merampas 133 jenis produk kesihatan tidak berdaftar termasuk yang berjenama luar negara dengan nilai rampasan dianggarkan melebihi RM7 juta," katanya, semalam.

Beliau berkata, penjualan produk kesihatan tidak berdaftar adalah melanggar Peraturan 7(1)(a) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 12(1) Akta Jualan Dadah 1952.

"Selain itu, orang ramai dinasihatkan supaya memastikan produk kesihatan mempunyai pelekat keselamatan hologram dan nombor pendaftaran produk (MAL) sebelum membeli produk berkenaan.

"Status pendaftaran produk kesihatan boleh disemak dengan melayari laman sesawang di <http://www.npra.gov.my> di ruangan *Product Search* atau hubungi Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) di talian 03-7883 5400," katanya.

Sebanyak 133 produk kesihatan tidak berdaftar bernilai lebih RM7 juta dirampas

JKNS merampas pelbagai produk kesihatan tidak berdaftar bernilai lebih RM7 juta. - Gambar ihsan JKNS

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION



Dangerous
DRUGS
in **vapes**

Etomidate, once used as an anaesthetic, is now among the harmful substances found in drug-laced vapes promoted by syndicates on social media. Experts warn of the rising use of illicit vape substances among youth, as the country opens its first rehab-focused school in Kedah.

> See reports on page 5 and StarEdu by CHRISTINA CHIN and FARIK ZOLKEPLI

Star Plus
Interactive storytelling with data

SUNDAY STAR, SUNDAY 18 MAY 2025

The Star Miss Nasion 18/5/2025 (Ahad)

Growing danger on the open Web

Syndicates pushing drug-laced vapes on social media, say cops

By FARIK ZOLKEPLI
farik@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Social media sites are often used by syndicates to promote and market drug-laced vapes.

It is learnt that the purchases are made online and a courier service is the go-to method to deliver the "special" vapes to customers.

"We have detected that syndicates would resort to using social media to market their banned product.

"However, they are also packaging the drug-laced vapes and pods in a similar way to normal vape products, making it difficult for authorities to identify whether a vape pod or device contains drugs or otherwise," Bukit Aman Narcotic Crime Investigation Department (NCID) acting director Deputy Comm Mat Zani@ Mohd Salahuddin Che Ali (pic) told *The Star* recently.

He said there are also vape shops that sell drug-laced vapes to

certain customers.

"We believe this is mostly catered to long-term and trusted customers," he added.

In 2023, 17 individuals were detained for selling drug-laced vapes, while last year, five suspects were nabbed, DCP Mat Zani said.

"As of April (this year), we have already detained four individuals for trafficking drug-laced vapes.

"Two of them were detained last month.

"We also seized a litre of vape liquid containing MDMA (ecstasy). The suspects were nabbed in a drug processing lab.

"On top of other drugs, they also produced drug-laced vape liquid," he said.

Underage users of drug-laced vapes are also on the radar of the NCID, DCP Mat Zani said.

"We detained five individuals, who were below 18 years of age last year.

"They were in possession of vape devices and liquid, which contained drugs.



"Between January and March (this year), we detained an underage individual for a similar offence," he said.

The operation against drug-laced vape syndicates has been continuous, DCP Mat Zani said.

"We seized 471.5 litres of vape liquid containing drugs along with 45 vape devices in 2023, followed by 62.68 litres (of drug-laced vape liquid) last year and 1.8 litres so far this year.

"No devices were seized last year and so far this year," he added.

Some 65% of vape liquid and

devices seized in 2023 contained MDMA and ADB Butinaca (synthetic cannabinoid compound), he revealed.

"Last year, 26% of the vape liquid seized contained MDMB-4en-Pinaca (indazole-based synthetic cannabinoid)," he said.

DCP Mat Zani said the NCID is always gathering actionable intelligence on the processing and selling of drug-laced vapes nationwide.

"Once vital information is obtained, we will detain those involved," he said.

DCP Mat Zani said cooperation with other agencies is vital to curb drug trafficking and abuse involving vapes or electronic cigarettes.

"We are working with other agencies such as the Malaysian Communication and Multimedia Commission (MCMC) to track down individuals and syndicates involved in promoting and selling drug-laced vapes on social media," he said.

DCP Mat Zani urged the public

to contact the police if they encounter any individual or shop selling drug-laced vapes.

"We also call on schools and institutions of higher learning to report such cases immediately as drug-laced vapes are popular among the younger generation," he said.

Previously, Deputy Inspector-General of Police Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay said state governments could take action by banning the sale of vapes, which are now increasingly linked to the abuse of new synthetic drugs.

Ayob Khan said some states had already taken the initiative to ban vape sales, bringing a positive impact.

He encouraged other state governments to follow suit while waiting for the Federal Government to draft related laws.

"Some states have made that decision, meaning state governments can also impose bans, because the sale licence is under the jurisdiction of local authorities," he said.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

The star m155 Nation 18/5/2025 (Ahad)

Unregulated e-cigarettes pose severe health risks – even death

By CHRISTINA CHIN
sgchris@thestar.com.my

PETALING JAYA: Originally used as an anaesthetic, etomidate is now being misused recreationally in e-cigarettes, or vapes, warns a psychiatrist and addiction specialist.

Unregulated vapes have been found to contain heavy metals, synthetic cannabinoids and harmful solvents, increasing the risk of respiratory and neurological damage, particularly among adolescents, said Monash University Malaysia Associate Professor and KPJ Puteri Hospital consultant, Dr Anne Yee.

Dr Yee, who is also a Universiti Malaya Centre of Addiction Sciences (UMCAS) Adjunct Professor and Addiction Medicine Association of Malaysia (AMAM)

honorary secretary, said youngsters – already at greater risk of nicotine addiction, psychosis, respiratory damage and long-term cognitive impairment – are now exposed to the dangers of etomidate, or “Eto”.

“The latest trend we are seeing is Eto being added to vape liquids.

“Mixed with alcohol or other substances like opioids or benzodiazepines, Eto becomes even more deadly.

“Many of these products are produced illegally, so users do not know what they are inhaling.

“This increases toxicity risks,” she said, adding that aggressive marketing, flavoured vape liquids and easy online availability contribute to the rising prevalence of drug-laced vapes among adolescents.

With vapes getting sleeker and

smaller, the devices can be used discreetly, making it harder for parents and teachers to notice when students are vaping in schools or at home, said Dr Yee.

The health consequences are severe, she warned.

“We need stronger regulations. Either ban or strictly control flavoured and high-nicotine vapes that attract youths,” she said, adding that stringent enforcement targeting illegal online sellers is crucial.

Schools and parents must also do their part, Dr Yee said, stressing on the importance of early education on the risks of drug-laced vapes.

Early intervention programmes for at-risk youths are crucial too, she said.

Narcotic Addiction Rehabilitation Centre (Puspen) Karangan

director Zuraidah Ayob said the facility, which houses the country's first and only National Anti-Drugs Agency school, is currently conducting treatment and rehabilitation for 22 students aged between 15 and 21.

“The use of illegal substances in vapes needs our urgent attention because increasingly, we are seeing youths using ‘magic mushroom’ and cannabis liquids in their vapes, whether knowingly or otherwise.

“These illegal liquids may even contain dangerous synthetic drugs,” she said, adding that vapes make it easier for youths and even children to do drugs due to their ease of access.

“You used to need paraphernalia like a kitchen, fire and aluminium foil to do drugs.

“Now, you just add the liquid

into vapes that come in all shapes and sizes.

“Some children may start vaping out of curiosity, social media influence or peer pressure and then get hooked on the habit.”

Citing Education Ministry data, she said as at September last year, a total of 12,252 students were found vaping in schools.

The National Health and Morbidity Survey 2022 report also showed a rise in vapers aged between 13 and 17, from 9.8% in 2017, to 14.9% in 2022.

Youngsters, she said, start with “light” stuff like nicotine liquids before progressing to other dangerous drugs.

“They associate nicotine with positive feelings and over time, their psychological barriers to other dangerous drugs are lowered.”

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

NST MIS12 Nation 18/5/2025 (Ahad)

UNREGISTERED

HEALTH PRODUCTS WORTH MORE THAN RM7M SEIZED

Selangor authorities confiscate items during inspections at three premises

NORZAMIRA CHE NOH
SHAH ALAM
news@nst.com.my

THE Pharmaceutical Enforcement branch of the Selangor Health Department seized 133 types of unregistered health products worth more than RM7 million last month.

Its director, Dr Ummy Kalthom Shamsudin, said the health products, including foreign-branded items, were confiscated from premises operated by a supply company and two other companies providing logistics hub services during inspections.

She said the enforcement action was taken following public complaints on the online sale of health products not registered with the Health Ministry's Drug Control Authority (PBKD).

"On April 15 and 22, inspections were carried out at three premises used as storage and distribution locations for unregistered health products intended



The Selangor Health Department last month carried out inspections at three premises used as storage and distribution locations for unregistered health products.

PIX COURTESY OF
SELANGOR STATE
HEALTH DEPT

for consumers in Malaysia.

"The companies involved utilised e-commerce platforms as a medium to sell these products to consumers," she said.

"As a result of cooperation with the police, the department's Pharmaceutical Enforcement Division successfully seized 133 types of unregistered health products, including foreign-branded items, with the total value estimated to exceed RM7 million."

She said the sale of unregis-

tered health products contravened Regulation 7(1)(a) of the Control of Drugs and Cosmetics Regulations 1984, which is punishable under Section 12(1) of the Sale of Drugs Act 1952.

The enforcement action is part of the department's efforts to combat the sale of unregistered health products in the market to ensure public safety.

"We advise all operators of logistics hubs to ensure that the health products they handle are registered, as legal action can be

taken against them in addition to the product owners.

"The public is advised to ensure that health products carry a hologram safety sticker and product registration number before purchase.

"The registration status of health products can be verified at <http://www.npra.gov.my> under the 'Product Search' section, or by contacting the National Pharmaceutical Regulatory Agency at 03-7883 5400," she said.